

26 AUG 2001

Zaharah-Kanak-kanak

MAJLIS PERUNDING HAL EHWAL KANAK-KANAK NEGARA AKAN DILANCARKAN

MELAKA, 26 Ogos (Bernama) -- Majlis Perunding Hal Ehwal Kanak-kanak Negara (MPHEKN) yang berperanan menyelaras dan memantau hal ehwal pengurusan kanak-kanak oleh badan sukarela akan dilancarkan 1 September ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pelancaran MPHEKN akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena 'Gerakan Global Kempen Katakan Ya Pada Kanak-kanak' di Sunway Lagoon.

"Majlis itu bertindak sebagai badan pengawasan dalam hal-hal tentang kanak-kanak di semua peringkat kerana kita tahu kanak-kanak ada dalam semua sektor seperti pendidikan, perubatan, kebajikan dan sebagainya," katanya di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Tahunan ke-23 Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MKPMKM) di Rumah Kenangan Seri Cheng, di sini.

Menurutnya kanak-kanak perlu diberi perhatian dan kasih-sayang sepenuhnya kerana mereka merupakan generasi akan datang dan kemajuan serta pembangunan negara bergantung kepada cara masyarakat membentuk kanak-kanak itu.

"Oleh itu, tindakan secara bersepadu kepada kanak-kanak dengan bimbingan dan ajaran yang betul akan dapat memastikan kanak-kanak itu bertindak positif untuk negara di masa hadapan," katanya.

Siti Zaharah berkata kepentingan kanak-kanak dalam pembangunan negara telah disadari dan dibincangkan dalam mesyuarat Menteri-menteri Kebajikan Asean di Singapura, baru-baru ini.

Beliau juga berkata pentadbiran dan pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) harus dikemaskini dengan pendekatan yang lebih bercorak kemasyarakatan dan pembangunan sosial.

Sehubungan itu, katanya, kementeriannya akan mencadangkan agar JKM ditukar nama kepada Jabatan Pembangunan Sosial (JPS) sebagai menjayakan hasrat kerajaan untuk memberi khidmat sosial yang relevan kepada masyarakat dan bukan hanya dikenali sebagai tempat memberikan bantuan.

"Kita sedang meneliti terma-terma tertentu sebelum menukar nama jabatan dalam usaha kerajaan untuk mempertingkatkan aspek sosial termasuk dalam kegiatan-kegiatan sosial pelajar di universiti dan komuniti," katanya.

Mengenai 'Gerakan Global Kempen Katakan Ya Pada Kanak-kanak' pada 1 September ini, Siti Zaharah berkata kira-kira 5,000 kanak-kanak akan menyertai gerakan itu di peringkat nasional dalam usaha menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kanak-kanak untuk kemajuan negara.

"Pada majlis itu yang sebahagian besar dikendalikan oleh kanak-kanak antaranya menungkap hasrat kanak-kanak Malaysia masakini tentang kepentingan mereka kepada orang dewasa selain persembahan," katanya.

Beliau mengharapkan agar masyarakat terutamanya golongan dewasa memberi sokongan tidak berbelah-bahagi kepada kempen berkenaan.

-- BERNAMA

SBS ZB